

SPEKTRUM @ PSN

EDISI OGOS 2014



Menarik Bulan Ini!

- ❑ Program Perkampungan STI MOSTI Sempena Minggu Merdeka 2014...1
- ❑ Majlis Jamuan Raya & Apresiasi PSN 2014...2
- ❑ Bacaan Surah Yassin & Tahlil (Sempena Hari Perkabungan Negara)...2
- ❑ Khabar Dari PSN Cawangan Wilayah Utara...2
- ❑ Sana-Sini PSN...3
- ❑ Info Sains...3
- ❑ Program-Program Menarik...4
- ❑ Sudut Buku...4
- ❑ Jom Kenali Bahan Pameran...4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas, sila hubungi:

Pusat Sains Negara,
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Bukit Kiara,
Kuala Lumpur .

Tel: 03-2089 3400
Faks: 03-2089 3401

www.psn.gov.my
www.facebook/PusatSainsNegara

PROGRAM PERKAMPUNGAN STI MOSTI SEMPENA MINGGU MERDEKA 2014

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menganjurkan Program Perkampungan STI MOSTI 2014 pada 28 Ogos hingga 1 September lalu, bertempat di Laman Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, bersempena bulan kemerdekaan Malaysia kali yang ke-57.

Pusat Sains Negara (PSN) turut terlibat dalam perkampungan STI lima hari itu dengan mengenangkan bahan pameran yang berkoncepkan sains dan muzik. Selain membawa konsep muzik yang menggunakan teknologi terkini, PSN juga berkongsi pengetahuan mengenai beberapa jenis muzik yang boleh terhasil daripada bahan buangan.

Orang ramai yang hadir dan mencuba bahan pameran yang disediakan PSN bukan sahaja merasa seronok mengenali sains dan muzik malah mereka juga optimis untuk mempelajari ilmu sains dengan lebih dekat.

Program berkenaan juga memberi pendekatan bersepadu melibatkan empat komponen yang berkait rapat dengan pembangunan modal insan yang menyentuh aspek rohani, mental, intelektual dan fizikal.



MAJLIS BACAAN SURAH YASSIN & TAHLIL SEMPENA HARI PERKABUNGAN NEGARA



Pusat Sains Negara (PSN) telah mengadakan Majlis Bacaan Surah Yassin dan Tahlil Sempena Hari Perkabungan Negara pada 22 Ogos yang lalu. Bacaan Surah Yassin dan Tahlil tersebut telah diketuai oleh En Abdul Malik Ibrahim, Pereka PSN. Majlis itu diadakan bersempena memberi penghormatan terakhir kepada para penumpang dan anak kapal yang terkorban dalam tragedi nahas MH17 yang telah ditembak jatuh di Wilayah Donetsk, Timur Ukraine, pada 17 Julai 2014. Pihak PSN turut bersama-sama berhimpun dan bertafakur selama seminit secara serentak seluruh negara bagi menzahirkan rasa dukacita dan hiba atas kejadian yang berlaku. Seluruh warga kerja PSN mengucapkan salam takziah kepada ahli keluarga dan sahabat handai mangsa nahas MH17. Al-Fatihah.

MAJLIS JAMUAN RAYA & APRESIASI PSN 2014



Majlis Jamuan Raya dan Apresiasi Pusat Sains Negara (PSN) 2014 telah diadakan pada 26 Syawal 1435H yang lalu. Majlis ini telah dihadiri oleh seluruh warga kerja PSN termasuklah bekas staf dan pesara yang pernah berkhidmat di sini. Sebanyak tiga aktiviti telah dijalankan sepanjang majlis berlangsung iaitu pertandingan pakaian tercantik, persembahan berkumpulan terbaik dan gerai tercantik. Para pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan dipilih berdasarkan undian ramai. Penyampaian hadiah kepada para pemenang dan penerima cenderahati telah disempurnakan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli, Pengarah PSN.

KHABAR DARI PSN CAWANGAN WILAYAH UTARA



PSNCWU SATU HUB INFORMASI UNTUK SEMUA PERINGKAT UMUR

Penduduk wilayah utara semakin menghargai dan menerima kewujudan Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara (PSNCWU) sebagai satu hub informasi dan pembelajaran secara tidak formal sekaligus menjadikan PSNCWU ini sebagai tempat riadah berilmiah bagi penduduk tempatan.

PSNCWU juga sering menjadi lokasi yang dipilih bagi tujuan penyelidikan dan pengumpulan maklumat mengenai sains, teknologi dan inovasi (STI) serta dari aspek lain yang berkaitan.

Kehadiran mahasiswa daripada pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta ke PSNCWU, secara tidak langsung telah mempromosikan PSNCWU dengan lebih meluas lantas menjadi pilihan sebagai lokasi kerja kursus mereka untuk menyiapkan tugas yang diberi pensyarah.

Ini membuktikan bahawa PSNCWU telah diterima baik oleh masyarakat setempat dan sektor akademik wilayah berkenaan dengan menjadikan PSNCWU sebagai hub pembelajaran dan pengajaran dalam bidang STI.

Masyarakat kini sudah mula sedar akan kepentingan memahami ilmu sains asas dalam kehidupan seharian.



SANA-SINI PSN...

**Lawatan Rasmi Delegasi
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
14 Ogos 2014
Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur



Lawatan Rasmi Delegasi China
26 Ogos 2014
Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur

Festival Sains Teknologi dan Inovasi (FESTI)
18 Ogos 2014
Taman Tamadun Islam (TTI), Kuala Terengganu



INFO SAINS



Tahukah Anda?

Apabila sebuah meteorit melintasi langit ia akan menghasilkan haba akibat geseran atmosfera dan kemudian meninggalkan asap putih di langit.



PROGRAM-PROGRAM MENARIK

❖ Pameran ‘Whodunit?’

8 September 2014- 5 Februari 2015

**Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur**

❖ Science Kids 2014

**26-30 September 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur**

❖ Festival Sains 2014

**November 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur**

JOM KENALI BAHAN PAMERAN



Nama : Mindball

Lokasi: Galeri Thinking Machine (Aras 2)


Fungsi: Bahan ini berfungsi untuk menguji bagaimana sesuatu objek menerima arahan daripada arus minda sama ada ia akan bergerak atau berhenti.



SUDUT BUKU

SHARK

Penulis : Miranda Macquitty
Penerbit : Dorling Kindersley (1992)



Buku ini memberi maklumat kepada kita berkenaan sejarah hidup, tingkah laku dan habitat seekor ikan jerung. Kita juga akan dapat mempelajari pelbagai jenis ikan jerung yang hidup di dasar laut dalam buku ini.